

Kita diberi tugas kumpul data dagang

SUBANG 5 Dis — Malaysia telah diberi tugas melaksanakan projek Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi (SITIDEC) bagi mengumpul data - data berkenaan dagangan untuk kemudahan negara - negara Selatan.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, projek tersebut adalah bertujuan

menyediakan maklumat yang diperlukan untuk meningkatkan perdagangan antara negara - negara Selatan.

"Ini adalah dua projek Malaysia yang diterima pada Persidangan Kemuncak Negara - Negara Membangun (G-15)," katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di sini, lewat petang ini sekembalinya

daripada menghadiri persidangan tersebut di Caracas, Venezuela dan lawatan tiga hari ke St. Lucia.

Beliau berkata, satu lagi projek yang diterima pada persidangan tersebut ialah mengenai Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) untuk merangsang kerjasama ekonomi di Mangan negara - negara membangun.